

26 MUWAFQAT UMAR, oleh Wan Ali Akbar Wan Abdullah dan Dr. Mohd Yusuf Ismail. 2018. Telaga Biru. Kuala Lumpur. Halaman 207. ISBN 978-967-388-391-2.

Buku 26 Muwafaqat Umar disusun oleh dua penyusun, iaitu; Wan Ali Akbar Wan Abdullah dan Dr. Mohd Yusuf Ismail. Berdasarkan biodata di belakang buku, Ustaz Wan Ali Akbar Wan Abdullah mempunyai kelulusan dalam bidang fikah dan usul fikah serta berkepakaran dalam bidang pendidikan Islam. Dr. Mohd Yusuf Ismail pula mempunyai kelayakan dan kepakaran dalam bidang hadis. Walaupun kepakaran Ustaz Wan Ali Akbar tidak dapat dipastikan secara jelas sama ada dalam bidang hadis atau sirah, namun hal ini dapat diimbangi melalui kerjasamanya dengan Dr. Mohd Yusuf Ismail. Sirah dan hadis adalah dua bidang yang saling berkaitan. Maka tidak ada keraguan pada kerjasama yang dibentuk oleh kedua-dua penyusun dalam menghasilkan buku ini.

Sebelum dimulakan perenggan ini, adalah lebih baik pengulas menjelaskan tajuk buku iaitu 26 Muwafaqat Umar, bagi memberikan persiapan minda kepada pembaca untuk memahami ulasan seterusnya. Buku ini dibahagikan kepada enam bahagian, iaitu; fikah, akidah, Rasulullah dan ummul mukminin, Perang Badar, Abdullah bin Ubay dan munafik dan lain-lain. Setiap satu bahagian ada dua hingga sembilan ayat yang dibahasakan. Sebelum masuk ke muwafaqat pertama, penyusun memulakan dengan sedikit pengenalan mengenai Umar al-Khattab dan manaqibnya yang berkaitan dengan muwafaqat. Walaupun ringkas, namun perbahasannya cukup, kerana fokus buku adalah pada muwafaqat, dan bukannya mengenai tokoh itu sendiri. Pengiktirafan Rasulullah kepada Umar sebagai calon nabi (jika ada nabi selepasnya) sudah cukup menunjukkan kecerdasan yang dimiliki Umar dan buah fikirannya yang sudah tentu menepati kehendak syarak. Menarik juga apabila penyusun membahasakan mengenai adab yang ditunjukkan oleh Umar ketika menyatakan pandangannya. Umar tidak mahu mendahului Allah dalam menyatakan bahawa pandangannya dipersetujui oleh Allah, sebaliknya Allah yang terlebih dahulu menetapkan hal-hal yang diberi ilham terkemudian kepada Umar untuk mengungkapkannya. Falsafah yang dibahasakan di sebalik topik muwafaqat ini memang sukar untuk diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Pengamatan pengulas terhadap kulit hadapan buku yang menetapkan tema “ketetapan pandangan Umar berlandaskan wahyu” seperti tidak menepati maksud muwafaqat yang ingin dibahasakan oleh penyusun. Namun, di situlah menonjolkan sisi penting adab yang tinggi yang ditunjukkan oleh Umar al-Khattab. Zahirnya, Umar yang nyatakan pandangan, kemudian wahyu turun, menyebabkan seolah-olah Allah bersetuju dengan pandangan Umar. Namun, ia tidak tepat kerana Allah yang sebenarnya menetapkan sesuatu perkara dan memberikan ilham kepada Umar untuk mengucapkan pandangannya itu. Maka, pengungkapan adab yang tinggi dan hati-hati serta bertanggungjawab atas setiap percakapannya seperti ini patut dicontohi oleh umat Islam pada hari ini.

Dalam bahagian fikah, penyusun memasukkan sembilan ayat, iaitu berkenaan dengan solat di maqam Ibrahim, sai di Safa dan Marwah, pengharaman arak, kebenaran masuk ke dalam rumah, persetubuhan pada malam Ramadan, *lian* dan *kalalah*. Pada muwaqat satu dalam ayat mengenai solat di maqam Ibrahim, Umar memberi cadangan supaya dilaksanakan disyariatkan solat di tepi maqam Ibrahim selepas tawaf, lalu turun ayat 125 surah al-Baqarah yang menggalakkan pelaksanaan solat sunat selepas tawaf di sekitar maqam Ibrahim. Muwafaqat dua pula mengenai ibadah sai. Walaupun ibadah ini telah dilaksanakan sejak zaman Nabi Ibrahim, namun para sahabat kekok melakukannya selepas Islam, kerana mengenangkan upacara penyembahan berhala yang dilakukan di atas Safa dan Marwah ketika sai. Peranan Umar jelas apabila beliau yang mencadangkan supaya ibadah itu diteruskan. Oleh itu turun ayat 158 surah al-Baqarah yang memerintahkan umat Islam berterusan melakukannya dan meninggalkan syirik yang dilakukan ketika jahiliyah. Muwafaqat tiga, empat dan lima pula berkenaan dengan pengharaman arak. Hal ini dikaitkan dengan muwafaqat kerana doa Umar yang inginkan hukum yang muktamad daripada nas al-Qur'an sehingga berlaku proses pengharaman arak secara beransur-ansur. Muwafaqat enam pula berkenaan dengan larangan masuk ke dalam rumah terhadap para khadam, melainkan dengan kebenaran. Kaitannya dengan Umar adalah kerana khadam Umar masuk pada waktu tengahari dan melihat Umar berada dalam keadaan yang tidak sesuai untuk dilihat oleh orang luar. Umar mengeluh, lalu turun ayat 58 surah an-Nur. Muwafaqat tujuh pula berkenaan dengan persetubuhan pada malam hari bulan Ramadan. Kaitan isu ini dengan Umar adalah apabila Umar menyetubuhi isterinya dalam keadaan isterinya telah tidur, lalu Umar menceritakan kepada Rasulullah untuk mendapatkan penjelasan. Hal ini menyebabkan turunnya ayat 187 surah al-Baqarah membenarkan berlakunya persetubuhan pada malam Ramadan. Muwafaqat lapan pula berkenaan dengan sumpah *lian*. Mengenai hal ini, Rasulullah bertanya pandangan Abu Bakar dan Umar mengenai isteri yang melakukan perzinaan dan hanya diketahui oleh suaminya. Lalu Umar mencadangkan lafaz sumpah *lian*, dan turun ayat 6 surah an-Nur. Muwafaqat sembilan pula berkenaan dengan *kalalah*. Umar bertanya Rasulullah mengenai *kalalah*, lalu turun ayat 176 surah an-Nisa'.

Dalam bahagian akidah pula, penyusun memasukkan empat muwafaqat, iaitu Allah sebaik-baik pencipta, kewajipan beriman kepada seluruh malaikat, kewajipan menerima pemutusan Nabi dan peruntukan ahli syurga antara umat terdahulu dan umat Nabi Muhammad saw. Berkenaan dengan muwafaqat 10, ada dua riwayat yang diperselisihkan oleh para ulamak. Satu riwayat mengatakan turun ayat 4 surah at-Tin, manakala satu riwayat lagi mengatakan turun ayat 12 hingga 14 surah al-Mukminun. Walau bagaimanapun, kesudahan kedua-dua riwayat sama, iaitu kekaguman Umar terhadap kekuasaan Allah menyebabkan Umar menyebut, “nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta”, lalu turun penghujung ayat 14 surah al-Mukminun, dengan lafaz yang sama sepertimana yang disebutkan Umar. Muwafaqat 11 pula, berkenaan dengan kewajipan berima kepada seluruh malaikat. Isu ini ditimbulkan oleh orang-orang Yahudi yang memusuhi Jibril. Bagi mereka, Jibril adalah

malaikat azab, lalu mereka menolak Jibril. Umar menolak pandangan ini dan menyatakan sesiapa yang memusuhi Jibril, turut sama memusuhi Mikail. Lalu turun ayat 97 dan 98 surah al-Baqarah. Rasulullah memanggil Umar dan membacakan ayat tersebut kepadanya. Muwafaqat 12 pula mengenai dua orang yang bertelagah. Rasulullah memutuskan satu keputusan, namun tidak diterima oleh sebelah pihak. Mereka berusaha mengesahkan keputusan Rasulullah dengan mendapatkan pandangan Abu Bakar dan Umar. Umar marah lalu memancung pihak yang tidak mahu menerima keputusan Rasulullah itu. Turun ayat 65 surah an-Nisa'. Muwafaqat 13 pula, Allah menetapkan pembahagian ahli syurga untuk umat Muhammad yang sedikit (rujuk ayat 14 surah al-Waqiah). Umar bersedih, lalu turun ayat 40 surah al-Waqiah yang menyamakan peruntukan ahli syurga kepada umat Muhammad dengan umat terdahulu.

Dalam bahagian Rasulullah dan *Ummul Mukminin* pula, ada tiga muwafaqat, iaitu; dua muwafaqat berkenaan dengan hijab dan satu muwafaqat berkenaan dengan penyelesaian konflik rumah tangga. Muwafaqat 14 dan 15 saling berkait kerana terdapat dua ayat hijab iaitu; ayat 53 dan ayat 59 surah al-Ahzab. Berkenaan dengan ayat 53, Umar memberi pandangan agar Rasulullah mewajibkan pemakaian hijab kepada ummul mukminin, lalu turun ayat 53 surah al-Ahzab. Dalam ayat 59, Umar mengecam seorang ummul mukminin yang keluar untuk qadha hajat tanpa hijab, lalu menyebut cadangannya agar diwajibkan hijab kepada ummul mukminin, lalu turun ayat 59 surah al-Ahzab. Muwafaqat 16 pula adalah berkenaan dengan konflik rumah tangga yang dihadapi oleh Rasulullah, menyebabkan Umar mencadangkan agar Rasulullah menceraikan ummul mukminin yang menjadi bebanan bagi Rasul. Turun ayat 6 surah at-Tahrim menyatakan kebersamaan Allah, orang beriman dan seluruh malaikat di pihak Rasulullah, sama seperti yang dinyatakan oleh Umar, sebagai peringatan kepada ummul mukminin.

Dalam bahagian perang Badar, ada dua muwafaqat. Muwafaqat 17 adalah berkenaan dengan pandangan Umar agar tebusan dalam perang Badar dibunuh, lalu turun ayat 67 hingga 69 surah al-Anfal yang sama dengan cadangannya itu. Muwafaqat 18 pula berkenaan dengan sokongan Umar yang diberikan kepada cadangan Rasulullah untuk keluar Madinah bagi mengejar rombongan kabilah Abu Sufyan bagi merampas kembali harta umat Islam yang telah dijual oleh mereka, serta bersiap siaga mengenai kemungkinan berlakunya peperangan. Kegerunan beberapa pihak menyebabkan turunnya ayat 5 surah al-Anfal.

Dalam bahagian Abdullah bin Ubay dan munafik pula, ada tiga ayat. Muwafaqat 19 dan muwafaqat 20 saling berkait. Muwafaqat 19 adalah berkenaan dengan larangan Allah kepada umat Islam untuk solat ke atas jenazah munafik. Ayat ini turun selepas Umar berusaha untuk menghalang Rasulullah daripada solat ke atas jenazah Abdullah bin Ubay, namun baginda tetap melaksanakan solat atas jenazahnya. Itulah kali terakhir baginda solat atas jenazah munafik. Muwafaqat 20 pula berkenaan dengan istighfar atas pengampunan dosa bagi munafik. Umar tidak bersetuju kerana telah ada penegasan

daripada Allah bahawa dosa orang munafik tidak akan diampunkan (rujuk ayat 80 surah at-Taubah). Namun, Rasulullah berpandangan, ayat itu menetapkan keperluan untuk istighfar dengan kadar yang lebih daripada 70 kali. Akhirnya, turun ayat 6 surah al-Munafiqun yang menyatakan tidak ada faedah apa-apa istighfar atas orang munafik kerana Allah tidak akan ampunkan dosa mereka. Muwafaqat 21 pula berkenaan dengan fitnah yang dilemparkan oleh orang munafik terhadap Aisyah, *Ummul Mukminin*. Apabila mendengar berita fitnah tersebut, Umar berkata, “Maha suci Engkau! Ini adalah dusta yang besar.” Lalu turun ayat 16 surah an-Nur, dengan lafaz yang sama, sekaligus menafikan fitnah yang dilakukan oleh orang-orang munafik.

Dalam bahagian terakhir, ada lima muwafaqat. Muwafaqat 22 berkenaan dengan permintaan melampaui batas daripada rombongan Taif yang ingin melengahkan pengakuan keimanan kepada Allah. Hampir pujukan mereka diberi kebenaran oleh Rasulullah, namun dihalang oleh Umar. Lalu turun ayat 73 surah al-Isra'. Muwafaqat 23 pula berkenaan dengan peristiwa Umar melarang seorang jariah daripada menunjukkan perhiasannya, dan menyebabkan ahli keluarga jariah tersebut mencaci Umar. Lalu turun ayat 58 surah al-Ahzab, iaitu larangan menyakiti orang beriman, sama ada dengan lisan atau perbuatan. Muwafaqat 24 pula terjadi ketika Rasulullah menceritakan mengenai syurga dan neraka menyebabkan isi khutbah itu sangat serius. Umar memberi respon dengan berkata, “Kami reda Allah tuhan kami, Islam agama kami dan Muhammad nabi kami”. Tiba-tiba, ada lelaki yang bangun dan bertanya hal yang remeh temeh. Lalu turun ayat 101 surah al-Maidah, melarang bertanya pertanyaan yang remeh. Muwafaqat 25 pula terkait dengan muwafaqat 16, iaitu konflik rumah tangga yang menimpa keluarga Rasulullah. Kedengaran berita mengenai Rasulullah menceraikan isteri-isterinya baginda. Namun, Umar berkata, “Rasulullah tidak menceraikan isteri-isterinya.” Lalu turun ayat 83 surah an-Nisa' agar umat Islam selidiki dahulu kebenaran sesuatu berita sebelum menyebarkannya. Muwafaqat 26 pula berkenaan dengan posisi persetubuhan. Penurunan ayat 223 surah al-Baqarah ini adalah kerana Umar mengakui bahawa beliau telah menyetubuhi isterinya daripada arah belakang. Penurunan ayat tersebut menyatakan kebenaran menyetubuhi isteri daripada posisi mana-mana pun. Namun, Rasulullah menambah mengenai larangan menyetubuhi isteri di dubur dan ketika haid.

26 muwafaqat Umar yang dipaparkan dalam buku ini, sebahagiannya terkait secara langsung dengan Umar, dan sebahagiannya melibatkan Umar sebagai sebahagian daripada peristiwa besar lain yang menyebabkan penurunan sesuatu ayat. Contohnya muwafaqat 18, apabila sokongan terhadap cadangan Rasulullah bukan hanya dilakukan oleh Umar, namun turut dilakukan oleh sahabat-sahabat yang lain. Begitu juga dengan muwafaqat 13, kerana Umar bukan satu-satunya umat Islam yang bersedih dengan kouta ahli syurga yang sedikit yang ditetapkan untuk umat Muhammad. Selain itu, ada juga riwayat-riwayat lain yang langsung tidak mengaitkan Umar dengan penurunan ayat-ayat tersebut. Namun isu ini tidak menjadi isu besar kerana menjadi kebiasaan sesuatu ayat al-Quran turun dengan beberapa asbab nuzul.

Walau bagaimanapun, penulisan buku ini sangat unik dan menarik. Bagi pengulas, ada beberapa kelebihan yang terdapat pada buku ini yang menjadikannya unik dan berbeza berbanding buku-buku muwafaqat yang disusun oleh ilmuan lain. Pertama, kerana ia memberi fokus kepada perbincangan yang sangat jarang diberi perhatian oleh masyarakat di Malaysia, iaitu berkenaan dengan muwafaqat. Walaupun tidak menafikan ada ilmuan Arab yang mendalami dan mengarang mengenai topik ini, namun di Malaysia tidak lagi ditemui satu buku yang menjadikan topik ini sebagai fokus utama buku. Kedua, terdapat 26 Muwafaqat Umar yang dimuktamadkan dalam buku ini. Ia adalah bilangan yang paling banyak yang ditemui dalam perbincangan mengenai muwafaqat. Namun, sudah tentu perbincangan mengenai bilangan muwafaqat ini sukar untuk dimuktamadkan kerana melihat kepada kaedah penerimaan seseorang ilmuan. Ada riwayat-riwayat tertentu yang ditolak dan ada kekeliruan terhadap sesetengah riwayat. Walau bagaimanapun, penyusun telah nyatakan, kesimpulan 26 muwafaqat ini dibuat berdasarkan senarai-senarai yang ditemui daripada sumber-sumber yang telah dinyatakan dalam buku tersebut. Perbincangan terperinci mengenai penerimaan riwayat, sama ada diterima atau ditolak, diperincikan kemudiannya dalam perbincangan setiap muwafaqat tersebut.

Ketiga, biasanya perbincangan mengenai muwafaqat dibuat dengan memberi fokus hanya kepada periwayatan dan penceritaan *asbab nuzul* ayat. Namun, buku ini turut mengembangkan perbincangannya kepada intipati ayat-ayat yang telah diturunkan itu. Kaedah ini menyebabkan perbincangan disulami antara rujukan tafsir, hadis dan kitab-kitab yang menjadi intipati ayat, seperti fikah dan akidah. Perbincangan seperti ini memberi kelebihan dan meraikan pembaca yang tidak mahir mengenai sesuatu topik yang dibicarakan daripada ayat-ayat tersebut, untuk memahaminya dengan lebih baik asbab nuzul dan peristiwa lain yang berkaitan, tanpa perlu merujuk kitab-kitab lain. Keempat, buku ini tidak hanya mendatangkan matan hadis, bahkan turut memuatkan takhrij hadis oleh ilmuan-ilmuan hadis terhadap riwayat-riwayat tersebut. Bagi memudahkan pembaca untuk buat rujuk silang jika mahu melihat kepada sumber asal hadis tersebut, nombor hadis turut disertakan.

Walau bagaimanapun, hasil kerja manusia, tidak sunyi daripada kelemahan. Pengulas mengesan beberapa kelemahan yang terdapat pada buku ini. Satu, ketidak tekalan dari sudut prinsip ejaan yang ingin digunakan. Isu ini melibatkan keutamaan penulis, sama ada menggunakan ejaan DBP atau ejaan literasi. Contohnya, akidah, dieja dengan mengikut ejaan DBP. Manakala, fiqah dieja mengikut ejaan literasi. Huruf qaf pada akidah dan fiqah, tidak diselaraskan. Sepatutnya diselaraskan, sama ada kedua-duanya fikah dan akidah, atau fiqah dan aqidah. Dua, kesimpulan yang ada pada akhir setiap perbincangan tidak selaras. Contohnya, penggunaan Implikasi Hukum daripada Ayat pada muwafaqat 1 (m/s 7) dan muwafaqat 2 (m/s 15 - 16). Namun digunakan pengajaran ayat pada muwafaqat 3 (m/s 29-30). Tiga, kesilapan baris, seperti yang terdapat pada istilah nafkhurruh pada muka surat 60, dieja nafkhurruwuh, dibaris

depankan atas huruf waw, yang sepatutnya dimatikan. Empat, kesilapan terjemahan. Hal ini dikesan pada muka surat 62. Dalam matan hadis, dinyatakan ayat 12 surah al-Mukminun. Namun, dalam terjemahan, diterjemahkan dan dinyatakan ayat 4 surah at-Tin. Lima, kesilapan nama pengarang kitab pada bibliografi (m/s 201-205). Contohnya, dalam senarai ketiga dalam bibliografi, bagi Sunan Abi Daud, diletakkan pengarangnya adalah Abu Daud dan Sulaiman bin al-Asy'ath, sedangkan Abu Daud dan Sulaiman bin al-Asy'ath adalah orang yang sama. Kesilapan yang sama berlaku pada banyak nama pengarang yang lain, seperti Abu Ya'la, Ahmad bin Hanbal, al-Baidhowi dan lain-lain. Walaupun pengulas menyenaraikan beberapa kelemahan, ianya tidaklah sehingga menjatuhkan martabat buku ini. Kelemahan-kelemahan tersebut bersifat kelemahan manusia yang boleh diperbaiki untuk cetakan akan datang. Pengulas menikmati setiap isi kandungan buku ini dan merasakan buku ini patut dibaca dan dimanfaatkan oleh pembaca umum. Syabas buat penyusun dan penerbit atas penghasilan buku yang sangat bermanfaat.

Dr. Nursafra Mohd Zhaffar

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan,
Kampus Rembau.